

11/03/2001

Pas tidak akan letak syarat baru: Nasharuddin

YAN: Pas tidak meletakkan prasyarat baru sebagai tambahan kepada tiga prasyarat sebelum mengadakan perbincangan dengan Umno mengenai perpaduan, kata Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Mat Isa.

"Dakwaan bahawa Pas beri syarat tambahan adalah tidak benar. Kita sudah memberikan tiga prasyarat sebelum ini dan saya tidak meletakkan syarat tambahan...tidak ada syarat baru.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) mengemukakan isu yang baik (mengikut Perlembagaan), cuma kita perlu perluaskan kepada isu lain dalam Perlembagaan," katanya kepada pemberita selepas berceramah di Padang Lumat, di sini, malam semalam.

Presiden Umno sebelum ini mengumumkan empat agenda perbincangan perpaduan Melayu dengan Pas iaitu hak keistimewaan Melayu, kedudukan bahasa kebangsaan, kedudukan agama Islam dan status Raja-Raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

Nasharuddin berkata, antara perluasan skop yang dikehendaki Pas termasuk mengenai Fasal 10 Perlembagaan iaitu hak berhimpun secara aman.

(END)